

TARIKH	07 / 02 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	53	RUANGAN	Business

**Kuantan:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) mencatatkan keuntungan sebelum cukai dan zakat berjumlah RM683 juta bagi tahun kewangan berakhir Disember 2013.

Keuntungan berkenaan meningkat kepada 13.8 peratus atau RM82.7 juta berbanding tahun sebelumnya.

Perkara itu diumumkan Pengarah Urusannya Datuk Seri Zukri Samat pada sidang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Kad VISA Debit-i Universiti (UniDebit) di Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini, semalam.

"Selain mencatatkan peningkatan keuntungan sebelum cukai dan zakat, Bank Islam turut merekodkan unjuran portfolio perniagaan sebanyak 21.7 peratus atau RM4.2 bilion kepada RM23.7 bilion berbanding tahun sebelumnya.

"Peningkatan unjuran ini didorong faktor perkembangan sektor kewangan yang baik hasil permintaan meningkat dalam sektor hartanah dan komersial," katanya.

Zukri berkata, keuntungan diperoleh Bank Islam melalui produk ditawarkan serta akaun simpanan semasa pelanggan mereka ju-



ZUKRI (dua dari kiri) merasmikan Majlis Pelancaran Kad VISA Debit-i Universiti di UMP, semalam.

## Bank Islam catat keuntungan RM683j

ga melepasi sasaran ditetapkan iaitu RM2 bilion dengan perolehan RM2.2 bilion.

Katanya, perolehan itu didorong pengenalan Program Hijrah Untuk Kecemerlangan bermula tahun lalu sehingga 2015 bertujuan meningkatkan produktiviti bank berkenaan.

"Bank Islam juga terus merekodkan peningkatan pengukuhan deposit hasil pengenalan produk yang menarik dan kompetitif di pasaran antaranya akaun

simpanan Al-Awfar.

"Jumlah deposit pelanggan sehingga Disember lalu menunjukkan peningkatan kepada RM14.6 bilion berbanding RM13.4 bilion tahun sebelumnya," katanya.

Mengenai UniDebit, Zukri berkata, semua pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara bakal menikmati kemudahan UniDebit yang ditawarkan Bank Islam secara berperingkat sebagai kemudahan transaksi tanpa tunai.